



## Penyelidikan UMP diiktiraf di Rusia

Penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) sekali lagi mengharumkan nama universiti di persada antarabangsa apabila meraih meraih pingat emas dalam pertandingan projek penyelidikan dan pameran Teknologi Inovasi dan Rekacipta Antarabangsa Moscow (Archimedes) ke-17 di Pusat Konvensyen dan Pameran Sokolniki di Moscow, Rusia pada 4 April yang lalu.

Projek penyelidikan pensyarah Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Dr. Ahmad Razlan Yusoff iaitu *Process Damping: An Alternative Method for Titanium Machining* memperoleh pingat emas dan hadiah khas daripada Association of Polish Inventors and Rationalizers Poland. Penyelidikan ini dapat meningkatkan produktiviti kerja apabila ia berjaya mengurangkan getaran haba bagi tujuan pemoangan logam titanium yang lebih sukar untuk dipotong berbanding logam biasa.

Selain itu, projek Dr. Ahmad Razlan juga dianugerahkan dengan pingat perak khas atas usaha dan teknologi penggunaan titanium yang memberangsangkan dan mendapat perhatian panel juri dan pengunjung di Moscow.

Satu lagi projek penyelidikan iaitu *Recycle Spent Battery Storage Supercapacitor* yang dihasilkan oleh Dr. Chong Kwok Feng dari Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI) yang juga turut merangkul pingat emas dalam

pameran ini. Penyelidikan ini berkenaan hasil kitar semula bateri yang terpakai untuk dijadikan sebagai satu tempat pengumpulan tenaga baharu yang dikenali sebagai *supercapacitor*.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim melahirkan rasa bangga dengan kejayaan para penyelidik dalam menghasilkan penyelidikan yang mampu bersaing dan diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Pameran antarabangsa Archimedes yang dianjurkan buat kali ke-17 ini merupakan antara pameran penyelidikan terbesar yang diadakan di bandaraya Moscow. Lebih 900 produk daripada 20 negara menyertai pameran yang antaranya termasuklah Kanada, Croatia, Taiwan, Korea, Poland, Qatar, Romania, Bahrin, Britain, Slovenia dan beberapa negara Afrika lain.

